

Reaksi



Pelajar menjadi kumpulan pertama yang saya kongsi ilmu jika ada melakukan penyelidikan kerana sebahagian daripada inovasi dihasil turut digunakan dalam kuliah”

Dr Muhammad Mokhzaini Azizan,
Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni),
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, UniMAP



Saya menjadi pensyarah pada usia muda tetapi bukan bermaksud jalan ditempuhi adalah mudah, sebaliknya turut merasai yang dilalui pensyarah senior”

Dr Sharil Nizam Sha'ri,
Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM

Seimbangkan fokus pada PdP, penyelidikan

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kepentingan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kuliah tidak boleh diabaikan walaupun pada masa sama, tumpuan diberikan kepada inisiatif penyelidikan di universiti.

Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar dan Alumni), Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Dr Muhammad Mokhzaini Azizan, 34, berkata kedua-dua pencapaian PdP dan penyelidikan diambil kira dalam ukuran petunjuk prestasi utama (KPI) serta harus ada keseimbangan.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan peringatan Pres-

iden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Prof Datuk Dr Mohd Idrus Mohd Masirin mengenai sindrom taasub KPI, sebagai tepat.

Keberkesanan pengajaran
Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya (UM), Dr Khairunisa Hasikin, 33, pula berkata ahli akademik berperanan penting dalam menentukan kejayaan suatu sistem pendidikan di universiti.

Beliau berkata, pensyarah bertanggungjawab menyampaikan ilmu pada peringkat tinggi, mendidik, membentuk keperibadian mulia dan memastikan input pengajaran diterima serta pelajar memanfaatkan sebaik mungkin ilmu diperoleh, justeru bukan mengejar KPI semata-mata.


“Keberkesanan pengajaran dapat diukur melalui kelahi-

ran siswa profesional dan bertanggungjawab. Pensyarah berkualiti akan mengambil kira pelbagai aspek penting ketika menyampaikan ilmu pengetahuan,” katanya yang meraih kelulusan ijazah doktor falsafah (PhD) pada usia 29 tahun.

Jadikan mentor

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Sharil Nizam Sha'ri, 41, berkata pensyarah digalakkan memenuhi KPI dalam beberapa aspek seperti PdP, penyelidikan, jurnal dan buku.

Beliau yang memiliki ijazah PhD ketika berusia 33 tahun berkata, seterusnya bersama niat dan cara betul untuk mendidik masyarakat, impian pensyarah muda mendapat kenaikan pangkat mampu dicapai.



Pensyarah harus ada keseimbangan fokus terhadap aspek PdP dan penyelidikan di universiti.